

'Najib terlalu percayakan orang lain'

Kuala Lumpur: Kesalahan Datuk Seri Najib Razak, yang didapati bersalah terhadap semua tujuh pertuduhan adalah semata-mata beliau teramat mempercayai orang, kata peguam utamanya, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah.

Dalam permohonan rayuan bagi meringankan hukuman anak guamnya, Muhammad Shafee berkata, Najib, 67, bagaimanapun sanggup dipersalahkan kerana kesalahan beliau dalam mempercayai orang yang seharusnya menguruskan syarikat berkenaan - 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan juga SRC International Sdn Bhd.

"Dalam keadaan tertentu, percayanya keterlaluan," katanya.

Najib didapati bersalah terhadap semua tujuh pertuduhan pe-

cah amanah jenayah (CBT) pengubahan wang haram dan menyalahgunakan kedudukannya, membabitkan wang RM42 juta dalam dana SRC International Sdn Bhd.

Peguam itu menambah anak guamnya telah melalui pelbagai bentuk hukuman, apabila beliau didakwa di sekurang-kurangnya empat mahkamah, sebagai tambahan diburu oleh jabatan cukai (Lembaga Hasil Dalam Negeri).

"(Tuntutan) wang dalam jumlah yang terlalu besar hingga tidak masuk akal dikenakan terhadapnya sebagai tunggakan cukai, atau pendapatan yang dikenakan cukai, sehingga RM1.69 bilion - jumlah yang amat mengejutkan bagi seorang individu," katanya dan merayu supaya huku-

man dijalankan serentak.

Muhammad Shafee dalam hujah mitigasi turut menceritakan perjalanan politik Najib di hadapan Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali, sebelum hakim berkenaan menjatuhkan hukuman terhadap bekas Perdana Menteri itu, selepas dia didapati bersalah terhadap semua tujuh pertuduhan.

"Najib adalah Menteri Besar yang paling muda dalam negara pernah dilantik ke jawatan itu, semasa umurnya 29 tahun, dan pernah menerajui beberapa kementerian sepanjang perjalanan politiknya, di samping menjadi Perdana Menteri selama sembilan tahun," katanya.

Muhammad Shafee turut menyatakan latar belakang Najib termasuk kedudukannya sebagai satu daripada empat Orang Besar

Berempat Pahang.

Beliau juga berkata, anak guamnya tidak mempunyai banyak saman trafik atau melakukan kesalahan kecil.

"Apa yang penting adalah dalam semua siasatan, tidak pernah sesekali ada aduan mengenai saksi yang diganggu," katanya.

Sementara itu, dalam rayuan bagi meringankan hukumannya Najib melafazkan 'sumpah laknat' dari kandang tertuduh.

"Sebagai orang Islam, wallahi wabillahi watallahi saya tidak meminta, saya tidak merancang atau saya ditawarkan RM42 juta itu.

"Saya bersaksi kepada Allah saya juga tiada pengetahuan mengenai jumlah wang itu. Begitu juga tiada bukti atau saksi berhubung perkara itu," katanya.

BH - 29/7/2020 m/s: 5